

RUU Ombudsman dibentang Oktober

Kerajaan dalam peringkat akhir muktamad rang undang-undang

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kerajaan dalam peringkat akhir memuktamadkan Rang Undang-Undang (RUU) Ombudsman 2023 bagi mendapatkan pertimbangan dan kelulusan Jemaah Menteri dalam masa terdekat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, berkata RUU Ombudsman yang sudah dibuat perubahan dasar itu diharap dapat dibentang di Parlimen pada Oktober ini.

Katanya, Ombudsman yang akan dicadangkan berfungsi untuk menerima, mengendali dan menyelesaikan aduan berkaitan sistem penyampaian perkhidmatan awam bagi meningkatkan tadbir urus baik.

Katanya, beberapa pindaan kepada dasar dilakukan antaranya

mewujudkan kuasa menyasat sistem itu, selain memastikan jangka masa tidak terlalu lama diambil dalam menangani aduan awam.

“Ombudsman adalah badan berkanun dan ia mesti bebas, tidak boleh macam agensi kerajaan.

“Saya bukan mengatakan Biro Pengaduan Awam (BPA) tidak bebas, tetapi mereka ini daripada sistem yang ada, jadi kita nak wujudkan satu badan berkanun.

“Dalam sistem Ombudsman ini kita juga perlu wujudkan laporan tahunan untuk dibentang dan dibahaskan di Parlimen.

“Pelantikan (anggota) Ombudsman ini dicadangkan enam tahun dan tiada pelanjutan, tidak mahu orang yang sama anggotai atau memantaunya,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

Azalina berkata, fungsi Ombudsman tidak bertindih dengan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) yang menumpukan kepada aduan berkait penguat kuasa.

“Ombudsman bukan untuk badan siasatan, sebaliknya semua jenis salah tadbiran sistem penyampaian perkhidmatan awam,” katanya sambil menambah kerajaan melihat model pelaksanaan United Kingdom dan New Zealand.

Pastikan aduan diterima

Katanya, Ombudsman akan memastikan aduan tier kedua dan pertama diuruskan dalam keadaan tertentu bagi memastikan ada badan mengambil perhatian aduan dibuat.

“Kita mahu rakyat tahu Kerajaan Perpaduan memberi maklum balas kepada aduan dibuat, malah kita juga tidak mahu situasi bahawa kerajaan betul setiap masa.

“Ketika ini hampir 85 peratus aduan kategori tier pertama, iaitu kepada Badan Pengaduan Awam (BPA) membabitkan aduan perkhidmatan pihak berkuasa tempatan (PBT).

“Rasanya hampir 20,000 aduan babitkan isu lampu jalan, longkang dan parkir.

“Aduan tier kedua dibuat secara terus ke kementerian dan agensi, tetapi bila mereka tidak gembira dengan maklum balas aduan, mereka datang kepada kita, jadi itu fungsi Ombudsman kelak,” katanya.

Azalina berkata, sesi libat urus dilaksana Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU) JPM hari ini bersama agensi kerajaan, termasuk Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan dan Kemen-

“Ombudsman bukan untuk badan siasatan, sebaliknya semua jenis salah tadbiran sistem penyampaian perkhidmatan awam”

Azalina Othman Said, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi)



terian Dalam Negeri.

Selain itu, Kementerian Sumber Manusia, badan bukan kerajaan seperti Majlis Peguam, Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) dan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

“Kerajaan juga akan mengadakan sesi taklimat dengan ahli Parlimen pada sidang Parlimen akan datang bagi mendapatkan input dan pandangan sebagai usaha libat urus bermakna dalam memuktamadkan RUU itu dengan kadar segera.

“Penubuhan Ombudsman Malaysia ini penting ke arah sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap dan efektif serta kerajaan yang lebih responsif dan adil terhadap rakyat,” katanya.